



**PENGURUSAN TAULIAH MENGAJAR AGAMA / CERAMAH AGAMA  
DI NEGERI SEMBILAN**

<b>PERKARA</b>	<b>TINDAKAN/ KETERANGAN</b>
<b>Bila perlunya tauliah mengajar agama diperolehi?</b>	<p>Mana-mana individu yang ingin mengajar apa-apa perkara yang berkaitan dengan agama Islam di mana-mana tempat <b>KECUALI</b> mengajar ilmu agama kepada ahli keluarga di tempat kediamannya sahaja, hendaklah mempunyai tauliah mengajar agama. Perkara ini adalah selaras dengan peruntukan seksyen 53 (1), Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992.</p> <p>Semua penerima tauliah yang berdaftar di Jabatan Mufti memiliki sijil tauliah dan kad tauliah yang mempunyai tarikh mula dan tarikh akhir tauliah tersebut berkuatkuasa. Sijil dan kad ini hendaklah dikemukakan apabila diminta berbuat demikian.</p>
<b>Apakah tafsiran mengajar agama?</b>	<p>Mengajar agama ertinya mengajar apa-apa perkara yang berkaitan dengan agama Islam, termasuk memberi ucapan atau kuliah – Seksyen 2 (e) Enakmen Jenayah Syariah (Pindaan) (2004).</p>
<b>Pihak manakah yang mempunyai kuasa memberi tauliah mengajar agama dan menarik semula tauliah yang telah diberikan?</b>	<p>Tauliah mengajar agama dikeluarkan oleh Jawatankuasa Tauliah yang diurus setiakan oleh Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan.</p> <p>Jawatankuasa Tauliah juga berhak menarik kembali tauliah mengajar agama yang telah dikeluarkan.</p> <p>Kuasa memberi dan menarik balik tauliah adalah selaras dengan peruntukan seksyen 118 (3,</p>

	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan )2003.
<b>Apakah yang boleh dilakukan bagi orang yang ingin memberi kebenaran ceramah agama sedangkan tidak memiliki tauliah?</b>	Bagi individu yang tidak mempunyai tauliah tetapi ingin memberi ceramah agama perlulah memohon kebenaran daripada Jawatankuasa Tauliah menerusi Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan selewat-lewatnya dua minggu sebelum program berlangsung.
<b>Apakah bidang kuasa Jawatankuasa Tauliah?</b>	<p>Bidang kuasa Jawatankuasa Tauliah ialah menemuduga, mengeluarkan tauliah mengajar agama, menetapkan apa-apa syarat dalam tauliah yang dikeluarkan serta menarik balik atau membatalkan tauliah.</p> <p>Jawatankuasa ini tidak menguruskan kebenaran penganjurkan majlis atau menentukan tenaga penceramah bagi sesuatu program yang hendak dijalankan.</p> <p>Kebeneran menganjurkan program agama hendaklah diperolehi daripada Pejabat Agama Islam Daerah berkenaan.</p>
<b>Apakah syarat-syarat atau kelayakan memohon tauliah mengajar agama?</b>	<p>Mana-mana orang yang mempunyai kelayakan berikut adalah layak memohon tauliah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Beragama Islam daripada kalangan Ahli Sunnah Wal Jamaah</li> <li>b) Telah mencapai 21 tahun ke atas dan dalam hal pengajaran al-Quran dan Tajwid telah mencapai umur 18 tahun.</li> <li>c) Memiliki: <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Ijazah pengajian tinggi Islam daripada Universiti tempatan atau luar negara yang diiktiraf oleh kerajaan; atau</li> <li>ii. Kelulusan daripada institusi pengajian agama tempatan yang diiktiraf oleh kerajaan;</li> </ul> </li> <li>d) Mempunyai kemahiran dan kepakaran dalam bidang pengajaran yang</li> </ul>

	diperlukan.
<b>Adakah terdapat sebarang pengecualian bagi permohonan tauliah?</b>	<p>Jawatankuasa Tauliah boleh mengecualikan mana-mana orang daripada mendapatkan tauliah.</p> <p>Walau bagaimanapun, pemohon masih perlu mengisi borang bagi tujuan rekod dan pendaftaran.</p>
<b>Siapakah mereka yang layak dipertimbangkan untuk dikecualikan daripada peraturan tauliah?</b>	<p>Jawatankuasa boleh, melalui notis bertulis, mengecualikan mana-mana orang yang berikut dari kehendak mendapatkan tauliah-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Alim Ulama atau tokoh agama dari dalam negeri atau luar negeri yang dijemput secara rasmi atau atas jemputan khas Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Jabatan atau agensinya;</li> <li>Mufti-mufti Negeri dan ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri;</li> <li>Hakim-hakim Mahkamah Syariah dan Pendaftar Mahkamah Syariah Negeri-Negeri;</li> <li>Menteri atau ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab dengan Hal Ehwal Islam, Ketua Jabatan Agama Islam Negeri atau Pengerusi Majlis Agama Islam Negeri-Negeri; dan</li> <li>Pegawai Hal Ehwal Islam atau Pegawai Agama Islam Persekutuan dan Negeri</li> </ol>
<b>Bilakah permohonan mendapatkan tauliah perlu dikemukakan?</b>	Setiap permohonan mendapatkan tauliah perlu dikemukakan <b>sebulan lebih awal</b> daripada tarikh aktiviti mengajar /ceramah dijalankan.
<b>Adakah tempoh sah tertentu bagi setiap tauliah yang telah dikeluarkan?</b>	Sesuatu tauliah yang telah dikeluarkan kepada pemegang tauliah adalah sah mengikut tempoh selama <b>tiga (3) tahun daripada tarikh ianya dikeluarkan</b> ; atau mengikut tarikh, masa dan tempat yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa.
<b>Sekiranya tempoh sah tamat, apakah yang perlu dilakukan?</b>	Apabila tempoh sah tauliah tamat, pemegang tauliah boleh mengemukakan permohonan untuk memperbaharui tauliah tersebut.

	<p>Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Tauliah mempunyai kuasa sama ada boleh atau enggan memperbaharui mana-mana tauliah tanpa perlu memberi alasan kepada pemegang tauliah.</p>
<p><b>Kepada pihak manakah perlu dikemukakan sebarang aduan berkaitan salah laku penerima tauliah?</b></p>	<p>Sebarang aduan berkaitan salah laku penerima tauliah hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa Tauliah di Jabatan Mufti Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan.</p> <p>Aduan hendaklah dikemukakan menggunakan format aduan rasmi yang boleh diakses menerusi laman sesawang Jabatan Mufti.</p>
<p><b>Bolehkah tauliah dibatalkan dan apakah yang perlu dilakukan apabila tauliah telah dibatalkan?</b></p>	<p>Jawatankuasa Tauliah boleh pada bila-bila masa membatalkan mana-mana tauliah yang dikeluarkan tanpa perlu memberi alasan kepada pemegang tauliah.</p> <p>Apabila tauliah telah dibatalkan, pemegang tauliah hendaklah menyerahkan kembali tauliah (sijil dan kad) kepada Jawatankuasa Tauliah di Jabatan Mufti Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan dengan kadar segera.</p> <p>Kegagalan mengembalikan tauliah itu adalah suatu kesalahan di bawah seksyen 53 (2) Enakmen Jenayah Syariah (Pindaan) (2004).</p>

**Dikeluarkan oleh:**

*Jabatan Mufti Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan  
Tingkat 3, Bangunan SUK Lama,  
Jalan Dato' Hamzah,  
70990 SEREMBAN  
Telefon : 06-765 2426  
Faks : 06-7652427  
Laman sesawang : [www.muftins.gov.my](http://www.muftins.gov.my)*